مجليس دايره مارن ڤهڠ دارالمعمور
# MAJLIS DAERAH MARAN
26500 Maran, Pahang Darul Makmur.
Tel : 09-477 1411 Fax : 09-477 1511

DIIKTIRAF MS ISO 9001:2008
NO. PENSIJILAN : KLR 6004928

Ruj. Kami : Bil (7) dlm.MDM/ASET/05
Tarikh : 19 Jun 2017

YH. Dato' / Tuan / Puan,

**KENYATAAN TAWARAN : 01 / 2017**
**TAWARAN PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN (SECARA SEBUTHARGA)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sehubungan dengan ini, bersama - sama ini disertakan **KENYATAAN TAWARAN PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN PEMBELIAN SECARA SEBUT HARGA)** untuk dipamerkan di papan kenyataan di pejabat YH Dato'/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"TELITI PASTI BERKUALITI"**

Saya yang menurut perintah,

**( SHAHRANI SAAZAI BINTI MAT SAAD )**
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
b.p. Yang Dipertua
Majlis Daerah Maran

**SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA**

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.

2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk wang pos atau draf bank atas nama YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH MARAN.

3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.

4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).

5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.

6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.

7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.

8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

No. Sebut harga : 01/2017

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**
**PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

**Majlis Daerah Maran**
**26500 Maran.**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut :

| Bil. | Keterangan Aset | Kuantiti | Harga Simpanan |
|---|---|---|---|
| 1. | Van Isuzu WFR (CAB 9004) | 1 | RM 800.00 |
| 2. | Lori Isuzu NPR (CAC 8202) | 1 | RM 1,800.00 |
| 3. | Van Isuzu WFR (CAC 5412) | 1 | RM 500.00 |

2. Aset boleh dilihat pada **20 hingga 30 Jun 2017** di antara **jam 8:30 pagi hingga 4:00 petang di Garaj Kenderaan Majlis Daerah Maran dan Dewan Komuniti Majlis Daerah Maran.**

3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan **Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-25)** yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.

4. Semua tawaran dengan maklumat lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda **No. Sebut harga: 01/2017** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**Majlis Daerah Maran**
**Jabatan Kejuruteraan**
**26500 MARAN**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **30 Jun 2017 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari.** Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

**( SHAHRANI SAAZAI BINTI MAT SAAD )**
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
b.p. Yang Dipertua
Majlis Daerah Maran

Tarikh : 19 Jun 2017
Cop :